



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI**  
**DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION**  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
*Department of Higher Education*  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-88706381  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>  
(Official Portal)

---

Ruj. Kami: JPT(A)1000/013/013/02 Jld. 20 (42)

Tarikh: 15 Disember 2015

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./Dr.,

### **MAKLUMAN BERKENAAN PELAKSANAAN MESYUARAT SARINGAN AWAL (MSA) DAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT) BAGI TAHUN 2016**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Universiti Awam (UA) yang memohon program akademik baharu meliputi peringkat pengajian Diploma, Sarjana Muda dan Kedoktoran hendaklah membentangkan permohonan tersebut melalui Mesyuarat Saringan Awal (MSA) di mana MSA akan mempertimbangkan beberapa perkara seperti berikut:

- a) program akademik baharu hendaklah selari dengan bidang tujuhan atau *niche* universiti masing-masing;
  - b) program akademik sedia ada yang tidak relevan kepada negara dan industri, tidak berdaya maju serta tidak mendapat sambutan perlu dijumlahkan. Program yang dijumlahkan hendaklah dimaklumkan kepada JPT;
  - c) keperluan guna tenaga negara, pertindihan program sedia ada, peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta mengikut permintaan dalam pasaran semasa, prospek jangka panjang peratusan *graduate employability (GE)* bagi fakulti yang ingin menawarkan program baharu dan peratus GE keseluruhan bagi universiti awam yang memohon mestilah diambilkira;
  - d) Program akademik baharu yang dicadangkan perlulah ada libatsama dengan pihak industri. UA hendaklah mendapatkan laporan kajian pasaran daripada pihak industri sama ada industri tempatan atau antarabangsa terhadap program yang hendak dilaksanakan;
  - e) Pelaksanaan program akademik baharu hendaklah mengambil kira implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal secara terperinci tanpa melibatkan keperluan tambahan berbangkit pada masa hadapan. Misalnya kos untuk menghasilkan seorang graduan, kos jangka panjang dan pulangan kepada negara (*return of investment - ROI*) hendaklah diperincikan di dalam kertas cadangan; dan
  - f) Perkembangan dasar terkini negara terutamanya dasar pendidikan tinggi.
-

3. **MSA** merupakan salah satu mekanisme di peringkat JPT untuk **hanya memperaku program yang memperlihatkan kelestarian, nilai tambah yang sesuai dan memenuhi keperluan semasa**. Pihak UA perlu mengemukakan maklumat yang lengkap seperti di **Lampiran A**. Saringan ketat ini juga akan membantu pihak UA memanfaatkan sumber sedia ada yang terhad secara cekap dan optimum terutamanya tenaga pengajar.

4. Permohonan program akademik baharu yang telah diluluskan oleh MSA perlu dikemukakan semula berserta dokumen yang lengkap seperti di **Lampiran B** untuk dibentangkan pula dalam **JKPT** untuk **perakuan**. Program akademik baharu hanya boleh ditawarkan dan dilaksana oleh universiti selepas mendapat **kelulusan YB Menteri Pendidikan Tinggi**.

5. Bersama-sama ini disertakan tentatif jadual Mesyuarat MSA dan JKPT bagi tahun 2016 untuk makluman dan rujukan seperti di **Lampiran C**. Sehubungan itu, penghantaran kertas cadangan untuk pertimbangan dan perakuan Mesyuarat hendaklah dirancang berdasarkan tarikh tentatif mesyuarat seperti jadual tersebut.

6. Sukacita diingatkan bahawa kertas cadangan program akademik baharu, semakan kurikulum dan semua kertas cadangan melibatkan kemasukan, pengemaskinian dan pelaksanaan bagi Sesi Pengajian 2017/2018 yang memerlukan pertimbangan MSA dan JKPT hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **30 September 2016** untuk tujuan penyelarasan oleh Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, JPT dan Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, JPT. Kertas cadangan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan diproses dan UA hendaklah merancang penawaran program akademik baharu pada sesi pengajian yang seterusnya.

7. Adalah diharapkan bahawa makluman yang disampaikan ini dapat membantu pihak universiti untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan akademik dengan teratur dan berkualiti. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Prof./Dr. berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' PROF. DR. ASMA BINTI ISMAIL)**

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi

TENTATIF

**MESYUARAT SARINGAN AWAL (MSA) & MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI  
(JKPT) BAGI TAHUN 2016  
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

| Bil | Perkara                     | Tarikh            | Hari   | Masa                        | Tempat                    |
|-----|-----------------------------|-------------------|--------|-----------------------------|---------------------------|
| 1.  | Mesyuarat MSA Bil. 1/2016   | 18 Februari 2016  | Khamis | 9.00 pagi–12.00 tengahari   | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 1/2016  |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |
| 2.  | Mesyuarat MSA Bil. 2/2016   | 17 Mac 2016       | Khamis | 9.00 pagi–12.00 tengahari   | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 2/2016  |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |
| 3.  | Mesyuarat MSA Bil. 3/2016   | 14 April 2016     | Khamis | 9.00 pagi–12.00 tengahari   | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 3/2016  |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |
| 4.  | Mesyuarat MSA Bil. 4/2016   | 19 Mei 2016       | Khamis | 9.00 pagi–12.00 tengahari   | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 4/2016  |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |
| 5.  | Mesyuarat MSA Bil. 5/2016   | 23 Jun 2016       | Khamis | 9.00 pagi–12.00 tengahari   | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 5/2016  |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |
| 6.  | Mesyuarat MSA Bil. 6/2016   | 21 Julai 2016     | Khamis | 9.00 pagi – 12.00 tengahari | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 6/2016  |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |
| 7.  | Mesyuarat MSA Bil. 7/2016   | 18 Ogos 2016      | Khamis | 9.00 pagi–12.00 tengahari   | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 7/2016  |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |
| 8.  | Mesyuarat MSA Bil. 8/2016   | 22 September 2016 | Khamis | 9.00 pagi–12.00 tengahari   | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 8/2016  |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |
| 9.  | Mesyuarat MSA Bil. 9/2016   | 13 Oktober 2016   | Khamis | 9.00 pagi–12.00 tengahari   | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 9/2016  |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |
| 10. | Mesyuarat MSA Bil. 10/2016  | 10 November 2016  | Khamis | 9.00 pagi–12.00 tengahari   | Bilik<br>Mesyuarat<br>JPT |
|     | Mesyuarat JKPT Bil. 10/2016 |                   |        | 2.30 petang–4.30 petang     |                           |

**Nota:**

1. **Tertakluk kepada pindaan** dan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
2. Tarikh muktamad akan dimaklumkan kepada UA menerusi surat rasmi panggilan mesyuarat.
3. Kertas cadangan perlulah diterima oleh urus setia mesyuarat selewat-lewatnya **tiga puluh (30) hari bekerja** sebelum mesyuarat seterusnya diadakan.
4. Jumlah kertas kerja yang perlu dihantar adalah sebanyak dua (2) salinan dan satu (1) salinan digital (*softcopy*) dalam bentuk cakera padat (CD).
5. Tarikh akhir penerimaan dokumen adalah pada **30 September 2016**. Kertas cadangan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan diproses.

**Disediakan oleh:**

Urus Setia  
Mesyuarat Saringan Awal (MSA) &  
Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT)  
Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik  
Jabatan Pendidikan Tinggi

Tel: 03-88706548/6558/6544/6537/6536